




Laporan Tahunan 2017



Jabatan Alam Sekitar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
(MESTECC)



PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2017. Laporan Tahunan ini memberi gambaran keseluruhan gerak kerja dan pencapaian JAS WPKL yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 berdasarkan mandat yang diberikan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mencapai pembangunan negara yang seiring dengan keharmonian kualiti alam sekitar.

Tahun 2017 telah dilalui dengan pelbagai peristiwa dan cabaran pengurusan alam sekitar di Wilayah Persekutuan & Putrajaya. Dalam kalangan kita masih terdapat segelintir anggota masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan hanya mementingkan keuntungan dengan meletakkan tanggungjawab memulihara alam sekitar kepada pihak Kerajaan semata-mata. Tabiat buruk ini perlu dihentikan dan digantikan dengan sikap bertanggungjawab menghargai dan menjaga alam sekitar kita.

Sepanjang tahun 2017, pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dilaksanakan secara pemeriksaan siasatan tapak 'Command and Control' (CAC) dan juga pemeriksaan secara 'Desktop Enforcement' (DE).

JAS WPKL turut mempertingkatkan pelaksanaan program/aktiviti kesedaran dan sebaran maklumat alam sekitar melalui media massa untuk pelbagai peringkat masyarakat sebagai usaha berterusan dan bersama dalam membangunkan masyarakat yang penyayang dan mesra alam. Perlindungan kepada alam sekitar melalui amalan mesra alam bagi setiap individu sepatutnya menjadi sebahagian daripada aktiviti seharian kita. Cabaran dalam menguruskan alam sekitar di masa hadapan dijangkakan akan semakin sukar. Namun demikian, dengan sokongan, komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, insyaAllah saya percaya kita semua akan mampu mengharunginya.

Saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada Kementerian Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan, pihak industri, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada JAS WPKL dalam memastikan kualiti alam sekitar berada pada tahap baik dan sekali gus

meningkatkan kualiti hidup rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya berharap agar komitmen dan kerjasama ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa-masa akan datang untuk mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat bagi generasi masa kini dan akan datang.

'Pemuliharaan Alam Sekitar; Tanggungjawab Bersama'

NORLIN BINTI JAAFAR

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JAWATAN KUASA
PENERBITAN



JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2017

Penaung

Puan Norlin Binti Jaafar

Penasihat

Encik Mohd Yunos Bin Rais

Ketua Editor

Puan Salkiah Binti Mohamad Salleh Tan

Editor

Puan Hasnita Binti Mansor

Encik Nasrum Bin Zubir

Encik Ahmad Azri Bin Alias

Puan Dina Binti Abd. Samad

Cik Nor Faizah Binti Baharuddin

Encik Mohd Azrulddin Bin Mazelan

Puan Roslina Binti Abdul Rahim

Encik Mohd Shafiq Aizad Bin Hj Mohd Saad

Urusetia

Encik Rahmat Shah Bin Mohd Sharif

Encik Mohd Syahirrullah Bin Mohd Azhar

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
PERUTUSAN PENGARAH	01
JAWATAN KUASA PENERBITAN	03
BAB 1	07
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	
▪ Struktur Organisasi	
▪ Perjawatan	
▪ Peruntukan Kewangan	
▪ Pungutan Hasil	
▪ Carta Organisasi JASWPKL sehingga Disember 2017	
BAB 2	11
A. BAHAGIAN OPERASI	
B. PUNCA TETAP DAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN	
C. UNIT KENDERAAN BERMOTOR	
D. KAWALAN PELEPASAN ASAP DARIPADA KENDERAAN DIESEL	
▪ Operasi Statik	
▪ Operasi Bersepadu	
▪ Operasi Catat	
E. KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)	
F. KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)	
G. KAWALAN PELEPASAN ASAP DI HENTIAN BAS AWAM	
H. KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN	
I. KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN PETROL	
J. KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL	
K. KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTOSIKAL	
L. UNIT ADUAN	
M. RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN	
N. UNIT PENDAKWAAN	
O. TINDAKAN MAHKAMAH	

- A. BAHAGIAN PEMBANGUNAN**
- B. UNIT PENILAIAN EIA**
 - Pemprosesan Laporan EIA
 - Penguatkuasaan EIA
- C. UNIT PENILAIAN AWAL TAPAK DAN NOTIFIKASI BERTULIS (PAT/ NB)**
 - Penilaian Awal Tapak (PAT)
 - Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009
 - Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014
- D. PENGAWASAN**
 - Status Kualiti Alam Sekeliling
 - Kualiti Air Sungai
 - Kualiti Air Tanah
 - Kualiti Udara
 - Geographical Information System (GIS)
 - Program River of Life (ROL)
 - Pengurusan Aset dan Stor Teknikal
- E. UNIT PEMBANGUNAN 2**
 - Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar
 - Program Rakan Alam Sekitar (RAS)
 - Pembangunan Sumber Manusia
- F. GALERI AKTIVITI & PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR DI JAS WPKL SEPANJANG 2015**
- G. PROGRAM PENGUATKUASAAN DI TAPAK PEMBINAAN BUKAN EIA**
 - Pengurusan Buangan Terjadual Dalam Industri Pembinaan
 - Sistem Atas Talian (Online Services)
 - Kelengkapan ICT

BAB 1

PENTADBIRAN & KEWANGAN

Struktur Organisasi

Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2017, JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 23 dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah 83 perjawatan. Struktur bahagian-bahagian terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran, Kewangan & Teknologi Maklumat. Carta Organisasi adalah seperti di Rajah 1.0.

Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2017, JAS WPKL telah mempunyai 83 anggota mengikut Surat Pemberitahuan Waran Bil. 79 melalui Waran Perjawatan Bil. E.132 Tahun 2016. Pecahan jawatan adalah seperti di Jadual 1.0.

Peruntukan Kewangan

Bagi tahun 2017, sebanyak RM4,371,420.00 peruntukan telah diterima daripada Ibu Pejabat untuk Belanja Mengurus dan RM4,000.00 bagi Program Pendidikan & Penilaian Alam Sekitar (RAS). Manakala peruntukan bagi Belanja Pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM 2,000.00 bagi Program GIS.

Pungutan Hasil

Pada tahun 2017 JAS WPKL telah membuat kutipan hasil iaitu sebanyak RM 90,663.07 berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2016 sebanyak RM 107,575.24 berjaya dikutip daripada aktiviti kompaun dan bayaran lain-lain. Pecahan kutipan hasil 2017 adalah seperti Jadual 1.1.

Jadual 1.0 Perjawatan JAS WPKL bagi tahun 2017

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kakitangan
1	Pengarah (Pegawai Kawalan AS)	C54	1
2	Ketua Pen.Pengarah (Peg.Kawalan AS)	C52/C48	2
3	Pegawai Kawalan Kanan	C44	3
4	Pegawai Kawalan	C44/C41	6
5	Pen. Pegawai Kawalan Tinggi	C38	2
6	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	C32	11
7	Pen. Pegawai Kawalan	C32/C29	15
8	Penolong Jurutera	J29	25
9	Juruteknik Kanan	J22	1
10	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1
11	Pen. Pegawai Teknologi Maklumat	F29	1
12	Setiausaha Pejabat	N29	1
13	Pem. Akauntan/ Pen.Akauntan (KUP)	W19/W29	2
14	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	4
15	Pembantu Am Pejabat	N11	1
16	Pemandu	H11/R3	7
	Jumlah Perjawatan		83

Jadual 1.1 JAS WPKL: Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2017

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
11101	Gaji Biasa Kakitangan Awam	3,445.80
12101	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	103.23
12102	Imbuhan Tetap Perumahan	103.23
12199	Elaun Tetap Yang Lain	892.90
14101	Bayaran Elaun Lebih Masa	96.01
21104	Bayaran Balik Tuntutan Perjalanan	25.90
71408	Proses Lesen	7,155.00
73199	Jualan Lain-Lain	130.00
73301	Jualan Harta Benda Kerajaan	561.00
76199	Bayaran Kompaun	78,150.00
	JUMLAH	90,663.07

BAB 2


BAHAGIAN OPERASI

PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) merupakan premis-premis yang tertakluk di bawah peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti berikut:-


- (i) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- (ii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- (iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009; dan
- (v) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Bagi tahun 2017, terdapat 2006 PYBDT yang telah dikenalpasti di bawah bidang kuasa JAS WPKL dan dibahagikan berdasarkan kod *Standard Industrial Classification* (SIC) (Rajah 2.1). Bilangan premis yang tertinggi adalah premis yang terletak di bawah kod SIC Perubatan iaitu sebanyak 611 diikuti dengan Bengkel/Workshop iaitu sebanyak 514.




Rajah 2.1 Bilangan PYBDT Berdasarkan Kod SIC

Berdasarkan jumlah PYBDT tersebut, JAS WPKL telah melaksanakan penguatkuasaan secara lapangan (*Command and Control, CAC*) sebanyak 395 kali manakala penguatkuasaan secara desktop (*Desktop Enforcement, DE*) sebanyak 423 kali (Rajah 2.2).



Rajah 2.2 Bilangan Penguatkuasaan CAC dan DE

Hasil daripada penguatkuasaan tersebut, tindakan-tindakan susulan telah dilaksanakan terhadap premis tersebut bagi sebarang ketidakpatuhan AKAS 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya iaitu Notis Arahan dan kompaun, masing-masingnya sebanyak 38 dan 34 (Rajah 2.3).



Rajah 2.3 Bilangan Tindakan Susulan Ketidakpatuhan AKAS 1974

Selaras dengan program *Guided Self Regulation* (GSR) yang dilaksanakan oleh premis, sebanyak 161 maklumbalas pelaksanaan GSR tersebut telah diterima oleh JAS WPKL dan sebanyak 7 premis telah memenuhi ketujuh-tujuh *Environmental Mainstreaming Tool* (EMT) iaitu:-

1. *Environmental Policy* (EP)
2. *Environmental Budgeting* (EB)
3. *Environmental Monitoring Committee* (EMC)
4. *Environmental Facility* (EF)
5. *Environmental Competency* (EC)
6. *Environmental Reporting and Communication* (ERC); dan
7. *Environmental Transparency* (ET)


PENGUATKUASAAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN

Bagi tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL) telah meneruskan program penguatkuasaan pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 terhadap premis-premis loji pengolahan kumbahan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan penguatkuasaan terhadap loji pengolahan kumbahan adalah merupakan kesinambungan kepada program penguatkuasaan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) yang dilaksanakan setiap tahun. Bagi tahun 2017, aktiviti penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan adalah dijalankan dengan menggunakan kaedah Command and Control (CAC) dan juga Desktop Enforcement (DE).


Sepanjang tahun 2017, sebanyak 72 siasatan pemeriksaan secara CAC telah dijalankan terhadap premis-premis loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan loji kumbahan swasta. Daripada jumlah tersebut 66 loji pengolahan kumbahan telah menunjukkan pematuhan. Oleh yang demikian, peratusan pematuhan premis loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 secara Command and Control (CAC) bagi tahun 2017 adalah sebanyak 91.66%. Sejumlah 6 Notis Arahan telah dikeluarkan dan 4 kompaun telah ditawarkan sepanjang 2017 susulan ketidakpatuhan operasi loji pengolahan kumbahan.

Sementara itu, sebanyak 122 pemeriksaan loji kumbahan secara Desktop Enforcement (DE) telahpun dilaksanakan sepanjang tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, semakan pematuhan setakat Disember 2017 menunjukkan hanya 1 premis loji pengolahan kumbahan yang tidak patuh kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Oleh yang demikian peratus pematuhan premis loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 secara Desktop Enforcement bagi tahun 2017 adalah sebanyak 99.18%.

**Rajah 2.4 : Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2017
Secara Command and Control (CAC)**



**Rajah 2.5 : Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2017
Secara Desktop Enforcement (DE)**



PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT) DAN PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL

Pengurusan buangan terjadual di JAS WPKL telahpun menggunakan sistem atas talian yang telah di tambahbaik yang dikenali sebagai *Electronic Schedule Waste Information System (eSWIS)*. Penggunaan sistem ini memudahkan lagi pelaporan pengendalian dan pengurusan buangan terjadual termasuk pelaporan notifikasi, inventori, dan nota konsainan pengeluar dan penerima buangan terjadual. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 1019 pengeluar buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telahpun berdaftar dan menggunakan sistem eSWIS dengan peratus pendaftaran sebanyak 81.59% daripada jumlah keseluruhan yang tertakluk iaitu 1249 premis.

Program penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005 JAS WPKL bagi tahun 2017 telah diteruskan dengan memberi tumpuan kepada premis-premis yang sedia ada dan mengenalpasti punca-punca baru dengan mendapatkan maklumat premis dan mengemaskini senarai inventori pengeluar buangan terjadual keseluruhan.

Penguatkuasaan peraturan tersebut juga telah dijalankan terhadap semua premis yang ditetapkan (PYDT) buangan terjadual. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hanya mempunyai Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan tersebut yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Sepanjang tahun 2017, sebanyak lima (5) Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa e-Waste dan lima (5) Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan siasatan penguatkuasaan. Sebanyak 22 siasatan penguatkuasaan telah dijalankan bagi kesemua premis dan pengangkut PYDT BT dengan pematuhan sebanyak 80.00 %.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 510 pemeriksaan telah dijalankan terhadap punca-punca yang menghasilkan buangan terjadual. Pemeriksaan ini adalah gabungan antara pemeriksaan siasatan tapak (CAC) dan juga pemeriksaan secara desktop (DE). Peratus pematuhan keseluruhan penguatkuasaan premis sepanjang tahun 2017 adalah sebanyak 99.21 %.

Berdasarkan rekod inventori, sebanyak 49,383.39 tan metrik buangan terjadual telah dijana sepanjang tahun 2017 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut kategori buangan yang paling tinggi dihasilkan adalah SW305 iaitu minyak pelincir terpakai dengan 32,799.02 tan metrik atau 66.42%. Buangan tersebut biasanya adalah berpunca daripada bengkel-bengkel atau pusat servis kenderaan. Kategori buangan yang paling rendah dihasilkan pula adalah SW405 iaitu buangan yang terhasil daripada penyediaan dan pengeluaran barangan farmaseutikal sebanyak 0.02 tan metrik. Kategori buangan-buangan lain yang dihasilkan ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 : Kuantiti Buangan Terjadual Yang Terhasil Di WPKL Dan Putrajaya, 2017

Bil.	Kategori Buangan Berdasarkan Kot BT	Kuantiti (MT/Thn)
1	SW101	85.56
2	SW102	775.00
3	SW103	15.59
4	SW104	3.28
5	SW105	2.25
6	SW109	332.81
7	SW110	520.39
8	SW201	2.00
9	SW203	0.28
10	SW204	119.01
11	SW206	9.77
12	SW301	7.41
13	SW302	0.10
14	SW303	6.56
15	SW305	32799.02
16	SW306	13.34
17	SW307	720.69
18	SW309	0.07
19	SW311	1.26
20	SW312	26.16
21	SW322	921.34
22	SW323	0.73
23	SW325	0.31
24	SW327	28.38

Bil.	Kategori Buangan Berdasarkan Kot BT	Kuantiti (MT/Thn)
25	SW401	0.17
26	SW402	37.24
27	SW403	9.87
28	SW404	1540.37
29	SW405	0.02
30	SW408	45.98
31	SW409	1,025.85
32	SW410	407.97
33	SW411	5.57
34	SW414	0.03
35	SW416	61.72
36	SW417	25.14
37	SW418	56.53
38	SW421	954.35
39	SW422	10.74
40	SW423	187.45
41	SW429	8476.61
42	SW430	0.15
43	SW501	146.32
	JUMLAH	49,383.39

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

KAWALAN PELEPASAN ASAP DARIPADA KENDERAAN DIESEL

Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

- i. Operasi Statik.
- ii. Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video, dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan).
- iii. Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator).
- iv. Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam.
- v. Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

Operasi Statik

Sepanjang tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama-sama pihak Perbadanan Putrajaya telah menjalankan sebanyak 10 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Putrajaya. Hasil operasi tersebut, sejumlah 735 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 15 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan, daripada jumlah tersebut pula, 10 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) dan 10 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang DiLuluskan. Kenderaan yang paling banyak ditawarkan kompaun adalah trak ringan iaitu sebanyak 9 buah, dan diikuti oleh lori kecil 1 buah, seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2.6, Peratus pematuhan keseluruhan adalah 98.6%.



Penguatkuasaan ke atas Kenderaan Berenjin Diesel.



Rajah 2.6 Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas Kenderaan Berenjin Diesel, tahun 2017

Operasi Bersepadu

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 50 operasi bersama DBKL sementara 1 operasi telah dijalankan bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang dipaparkan pada Rajah 2.7.



Operasi Bersepadu Yang Dijalankan Bersama Agensi Lain



Rajah 2.7 Bilangan Operasi Bersepadu, tahun 2017

Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat menggunakan Video Kamera juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai Peronda JAS Kuala Lumpur telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki

melepaskan asap hitam berlebihan. Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 10 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan yang DiLuluskan. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 863 Operasi Catat telah dijalankan. Sebanyak 62,324 buah kenderaan diesel telah diperhatikan dan daripada jumlah itu, 173 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berdasarkan pada Rajah 2.8.



Rajah 2.8 Carta bilangan Operasi Catat, tahun 2017.

KAWALAN PUNCA KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)


Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Sejumlah 72 lawatan telah dijalankan ke atas 44 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tiada Notis Arahan atau kompaun dikenakan ke atas Pengendali Berkumpulan pada tahun 2017. Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca.

KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL. Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapi dengan meter asap yang perlu dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, dan PUSPAKOM Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2017, sebanyak 2 KYDL lagi telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu RAPID BUS SDN.BHD Depoh Maluri dan RAPID BUS SDN.BHD Depoh Sentul. Sebanyak 14 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan pada tahun 2017 ke atas KYDL ini sebagai langkah untuk memastikan prosedur uji semula dijalankan mengikut tatacara yang telah digariskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Berdasarkan Rajah 2.9, sebanyak 135 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Daripada bilangan yang diuji semula, sebanyak 119 buah kenderaan telah lulus dan 16 buah kenderaan pula telah gagal. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM dihadapan pegawai pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.



Rajah 2.9 Jumlah bilangan kenderaan yang hadir Uji Semula, tahun 2017

KAWALAN PELEPASAN ASAP DI HENTIAN BAS AWAM

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas enam (6) buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Putra, Hentian Duta, Hentian Puduraya, Hentian Pekeliling dan Hentian KL Sentral. Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 40 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 519 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2017, tiada kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walaubagaimanapun, dua (2) Surat Arahan di lapangan telah dikeluarkan iaitu arahan supaya pemandu bas mematikan enjin kenderaan semasa berada di hentian seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.10.



Operasi Pemantauan Asap di Hentian Bas

LAWATAN PEMERIKSAAN

- 40 Lawatan Ke Stesen Terminal Bas
- TBS, Puduraya, Pekeliling, Putra, Duta, KL Sentral

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

- Tiada Kampaun dikeluarkan
- 2 Surat Arahan di lapangan



Rajah 2.10 Bilangan Operasi di Hentian Bas, 2017

KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN

Sebanyak 40 Pusat Servis Penghawa Dingin Kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (aircond) kenderaan bermotor telah diperiksa dan telah diuji dengan menggunakan 'Refrigerant Identifier' (RI) sepanjang tahun 2017 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Kesemua Pusat Servis Penghawa Dingin Kenderaan yang diperiksa telah mematuhi peraturan di atas.


KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA KENDERAAN PETROL

Pada tahun 2017, sebanyak 10 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Melalui operasi tersebut sejumlah 383 kenderaan berenjin petrol telah diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Empat (4) kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut. Perbandingan status pematuhan pelepasan gas CO/HC pada tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di Rajah 2.11. Pemilik kenderaan yang gagal ujian pelepasan gas ini telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A Akta Kualiti Alam Sekeliling supaya hadir ujian semula pelepasan gas di mana-mana JAS Negeri.



Operasi Pelepasan Gas daripada Kenderaan Berenjin Petrol



Rajah 2.11 Status Pematuhan Gas /HC daripada Berenjin Berenjin Petrol, tahun 2015 -2017


KAWALAN PELEPASAN BUNYI BISING DARIPADA MOTOSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 6 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama PDRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan kerajaan. Sebanyak 430 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan paras bunyi maksimum dan sebanyak 31 buah motorsikal telah diuji dengan menggunakan peralatan ujian bunyi bising. Dari jumlah tersebut 3buah motorsikal telah dikenakan kompaun dan juga surat arahan untuk ujian semula bunyi bising atas kesalahan tersebut. Perbandingan status tindakan ke atas bunyi bising kenderaan motor pada tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di Rajah 2.21.



Operasi Penguatkuasaan Bunyi Bising Daripada Motosikal




Rajah 2.12 Status Tindakan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal, tahun 2015 -2017

ADUAN

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 426 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 312 kes yang diterima pada tahun 2016 iaitu peningkatan penerimaan aduan sebanyak 114 kes atau 26.8%.

Statistik aduan yang telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 2007 menunjukkan bahawa bilangan aduan yang diterima tertinggi pada tahun 2010 dengan catatan 521 aduan. Bilangan adalah bergantung kepada penerimaan aduan daripada pengadu melalui talian telefon *hotline*, saluran internet, ataupun secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan tersebut boleh dirujuk pada Rajah 2.13 – Statistik aduan yang diterima JAS WPKL sejak tahun 2007 sehingga tahun 2017.




Rajah 2.13 : Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2007 Sehingga Tahun 2017

Pecahan jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2017 menunjukkan pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 311 kes (73.00%), diikuti dengan pencemaran air sebanyak 40 kes (9.39%), pencemaran bunyi bising sebanyak 52 kes (12.21 %), pencemaran buangan terjadual sebanyak empat (4) kes (0.94 %) dan pencemaran lain-lain yang dikategorikan sebagai aduan umum sebanyak 19 kes (4.46 %). Pecahan bilangan aduan mengikut jenis adalah seperti di dalam Rajah 2.14 – Bilangan jenis aduan yang diterima JAS WPKL dari 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.

Merujuk kepada jumlah bilangan aduan yang diterima sepanjang tahun 2017, dari sejumlah 426 aduan yang diterima, sebanyak 165 aduan telah disiasat di bawah bidangkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebanyak 42 adalah aduan tidak berkesan, sebanyak 47 lokasi aduan tidak dapat dikesan dan sebanyak 172 aduan berada di luar bidang kuasa.

Bagi aduan yang terletak di luar bidang kuasa, Jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada Jabatan yang berkaitan atau pihak yang mempunyai bidang kuasa bagi membantu menyelesaikan aduan yang telah diterima.



Rajah 2.14 : Bilangan Jenis Aduan Di Terima Oleh JAS WPKL

RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN

Sebanyak 365 rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) telah dijalankan sepanjang tahun 2017. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya. Rondaan juga dilakukan ke kawasan yang kerap aduan diterima supaya pemantauan dapat dilakukan di kawasan-kawasan yang sering diadu.

PENDAKWAAN

Tindakan Mahkamah

Sepanjang tahun 2017, tindakan mahkamah telah diambil terhadap 24 kes di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kesalahan tersebut membabitkan 19 kes pendakwaan di bawah Seksyen 22(1) dan 5 kes lagi di bawah Seksyen 34A(7). Kes di bawah Seksyen 22(1) termasuk kesalahan terhadap pelepasan pencemaran daripada enjin diesel dan petrol kenderaan.

Bilangan kes yang telah dikenakan tindakan mahkamah bagi kesalahan pelepasan pencemaran daripada enjin diesel ialah sebanyak 13 kes. Dari jumlah tersebut, 7 kes daripadanya telah mengemukakan representasi dan telah membayar kompaun dengan jumlah bayaran kompaun sebanyak RM12,800.00. Manakala 6 kes lagi telah di DNAA oleh mahkamah kerana pihak OKS gagal dikesan.

Sementara itu, bilangan kes yang telah dikenakan tindakan mahkamah bagi kesalahan pelepasan pencemaran daripada enjin petrol kenderaan pula adalah sebanyak 6 kes, yang mana 4 kes daripadanya telahpun mengemukakan representasi dan telah membayar kompaun sebanyak RM 1,200.00. Sebanyak 2 kes pula telah di DNAA oleh mahkamah kerana OKS gagal dikesan.

Bagi kesalahan di bawah Seksyen 34A(7) pula adalah sebanyak 5 kes. Kesemua kesalahan telah didakwa dengan keseluruhan denda yang dikenakan berjumlah RM 430,000.00. Bilangan tindakan mahkamah yang diambil pada tahun 2017 adalah seperti di Jadual 2.2.

Jadual 2.2 : Bilangan Kes Bagi Tindakan Pendakwaan Di Mahkamah, JAS WPKL Tahun 2017

JENIS KESALAHAN	BILANGAN KES	DENDA (RM)
Seksyen 22	19	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelepasan pencemaran daripada enjin diesel 	13	7 KES REPRESENTASI (DNA) JUMLAH KOMPAUN = RM12,800.00 6 KES DNAA
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelepasan pecemaran daripada enjin petrol & motosikal 	6	4 KES REPRESENTASI (DNA) JUMLAH KOMPAUN=RM1,200.00 2 KES DNAA
Seksyen 34A(7)	5	JUMLAH DENDA = RM430,000.00

Nota: **DNAA** - Dilepaskan tanpa dibebaskan. **DNA** - Dilepaskan dan dibebaskan.

BAB 3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

UNIT PENILAIAN

Pemprosesan Laporan EIA

Pada tahun 2017, JAS WPKL telah memproses dua (2) Laporan Awal EIA dan dengan perubahan syarat-syarat kelulusan.

Penilaian Awal Tapak (PAT)

Unit Penilaian Awal Tapak (PAT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berfungsi untuk membantu dan memberikan khidmat nasihat berkaitan kesesuaian sesuatu projek pembangunan sebelum pelaksanaan. Tujuan ulasan Penilaian Awal Tapak (PAT) ini adalah bagi memastikan sesuatu permohonan projek di atas tapak yang dipohon bersesuaian dengan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, agensi kerajaan serta pihak swasta seperti pelabur, industri dan orang awam. Kesesuaian tapak merupakan elemen penting bagi memastikan setiap pembangunan tidak menjejaskan kesejahteraan, keharmonian dan kebersihan alam sekitar di samping memberikan keselesaan dan menjamin hak-hak asasi pelbagai pihak. Pada tahun 2017, sejumlah 54 permohonan telah diterima daripada pelbagai agensi. Pada keseluruhannya permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) yang diterima di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah daripada jenis pembinaan kilang, pembinaan sementara premis pembancuh konkrit, perumahan, projek-projek tertakluk penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (EIA) dan penempatan di kawasan premis sedia ada.



Premis Pembancuh Konkrit Sementara



Tapak bagi pembangunan bercampur



Lawatan tapak bagi semakan zon penampakan di lokasi cadangan projek jenis pembangunan bercampur.



Lawatan tapak bagi semakan zon penampakan di lokasi cadangan projek EIA



Lawatan tapak bagi jenis permohonan PAT di tapak bangunan sedia ada


Pemberitahuan Bertulis Alat Kawalan

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya mengkehendaki pihak industri/premis untuk mengemukakan Pemberitahuan Bertulis / Notifikasi terlebih dahulu kepada Jabatan sebelum membuat apa-apa pemasangan atau perubahan kepada sistem kawalan pencemaran di premis masing-masing. Pemberitahuan Bertulis ini perlu dikemukakan tiga puluh (30) hari sebelum kerja-kerja pemasangan alat kawalan tersebut di buat. Alat kawalan yang perlu diberi pemberitahuan bertulis adalah Alat Pembakaran Bahan Api (APB), Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU), Sistem Pengolahan Efluen Industri dan Sistem Pengolahan Kumbahan. Pemberitahuan Bertulis yang dikemukakan akan dinilai oleh Jabatan bagi memastikan bahawa setiap pemasangan adalah mengikut spesifikasi minimum Jabatan, beroperasi dengan optimum, dan mematuhi had-had pelepasan yang ditetapkan sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Pada tahun 2017, sejumlah 439 permohonan telah diterima daripada pelbagai agensi.

Penguatkuasaan EIA (Pembangunan)

Penguatkuasaan EIA

Unit penguatkuasaan EIA JAS WPKL telah menjalankan sebanyak 58 lawatan penguatkuasaan terhadap 11 projek EIA yang melibatkan projek-projek di peringkat kerja tanah, pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak 58 *Field Citation* dan 19 Notis Arahan telah dikeluarkan serta dua (2) Kes Mahkamah telah diambil bagi tahun 2017.



Rajah 3.1 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.



Lawatan Tapak Untuk Projek Mass Rapid Transit (MRT)



Lawatan Tapak Stesen Untuk Projek Mass Rapid Transit (MRT)



Terowong Untuk Projek Mass Rapid Transit (MRT)



Projek Pembinaan Jajaran Lebuh raya DUKE



Projek Pembinaan Jajaran Lebuhraya DUKE

PENGAWASAN

Program Pengawasan JAS WPKL

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan kerja-kerja pengawasan bagi status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenal pasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling. Data-data dan input-input yang diperolehi ini disalurkan kepada Bahagian Operasi bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling. Pengawasan kualiti alam sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terbahagi kepada 3 kategori iaitu pengawasan kualiti udara, kualiti air sungai dan pengawasan kualiti air tanah.


Pengawasan Kualiti Udara

Program pengawasan kualiti udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dijalankan oleh Syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) sejak Ogos 1995 dan konsesi perkhidmatan ASMA telah tamat pada 13 April 2017. Bermula pada 14 April 2017, syarikat konsesi baru yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah mengambil alih tanggungjawab dari ASMA. Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Monitoring Programme* – EQMP) telah dibangunkan bagi membolehkan pemantauan status kualiti udara secara *online*.



ENVIRONMENTAL QUALITY MONITORING PROGRAMME

The Department of Environment monitors country's environment quality through a network of environment monitoring stations to detect any significant changes in the environment quality which may be harmful to human health and the environment.



Sistem EQMP Yang Dibangunkan

Kerja-kerja penutupan stesen udara ASMA dijalankan secara berperingkat. Pengesahan Penutupan (*Demolish*) bersama-sama pihak ASMA telah dilaksanakan bagi dua (2) stesen automatik iaitu Permaisuri Cheras serta Batu Muda dan dua (2) stesen manual iaitu Bangunan DBKL dan Pejabat Pos Pudu.

Pemeriksaan Pengesahan Kriteria (*Test Acceptance Criteria - TAC*) bagi stesen baru di bawah Pakar Scieno TW Sdn Bhd dilaksanakan bersama-sama pegawai dari Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat. Tiga (3) stesen udara Automatik iaitu Permaisuri Putrajaya, Batu Muda dan Presint 18 Putrajaya serta satu (1) stesen udara Manual di Wisma SCA



Pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS WPKL melaksanakan *Test Acceptance Criteria* di stesen udara automatik Permaisuri Cheras



Pegawai JAS Ibu Pejabat dan JAS WPKL melaksanakan *Test Acceptance Criteria* di stesen udara manual di Wisma SCA

Tiga (3) buah stesen pengawasan udara automatik baru di bawah kendalian konsesi baru Pakar Scieno TW Sdn Bhd yang beroperasi secara automatik 24 jam telah ditempatkan di Stadium Mini Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras ; Sekolah Kebangsaan Batu Muda di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Sekolah Rendah Kebangsaan Presint 18 (2) di Wilayah Persekutuan Putrajaya untuk pemantauan kualiti udara dan Indeks Pencemar Udara (IPU) / *Air Pollutant Index (API)* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (**Jadual 3.1**).

Jadual 3.1: Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik, 2017 JAS WPKL

Bil.	Stesen Udara Automatik	Kategori
1.	Stadium Mini Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras (CA16W)	Bandar
2.	Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur (CA15W)	Sub-Bandar
3.	Sekolah Kebangsaan Presint 18(2), Wilayah Persekutuan Putrajaya (CA17W)	Sub-Bandar



**Stesen Udara Automatik Stadium Mini
Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras**



Stesen Udara Automatik Sekolah Kebangsaan Batu Muda Kuala Lumpur



**Stesen Udara Automatik Sekolah Kebangsaan Presint 18(2),
Wilayah Persekutuan Putrajaya**


Satu (1) dari tiga (3) buah stesen pengawasan udara manual baru di bawah kendalian konsesi baru Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah beroperasi terletak di Wisma SCA untuk pemantauan kualiti udara dan Indeks Pencemar Udara (IPU) / *Air Pollutant Index (API)* di kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur (Jadual 3.2).

Jadual 3.2: Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual, 2017 JAS WPKL

Bil.	Stesen Udara Manual	Kategori
1.	Wisma SCA (MA05W)	Pusat Bandar

Pada tahun 2017, status kualiti udara (IPU) didapati berada pada tahap baik, sederhana dan hanya beberapa hari mencatatkan bacaan tidak sihat bagi tiga stesen pengawasan yang dipantau seperti di Rajah 3.2

**Rajah 3.2: Status Kualiti Udara di Lembah Kelang / Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur dan Putrajaya, 2017**




Petunjuk:

Nilai Indeks Pencemaran Udara (IPU)	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
>300	Berbahaya

Pengawasan Kualiti Air Sungai


Program pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan oleh Syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) sejak Ogos 1995 dan kontrak perkhidmatan ASMA telah tamat pada 13 April 2017. Bermula pada 14 April 2017, syarikat konsesi baru yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah mengambil alih tanggungjawab dari ASMA. Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Monitoring Programme – EQMP*) telah dibangunkan bagi membolehkan pemantauan status kualiti air sungai secara *online*.



The screenshot shows the EQMP website interface. At the top, there is a navigation bar with the EQMP logo and the Department of Environment, Ministry of Natural Resources & Environment. The main content area is titled "RIVER WATER QUALITY MONITORING" and includes a brief description of the program. Below this, there are three cards representing different monitoring methods: Continuous River Water Quality Monitoring (30 Continuous Stations), Manual River Water Quality Monitoring (1353 Manual Stations), and Investigative Study (3 Stations). Each card has an "ENTER" button.

Sistem EQMP bagi komponen kualiti air sungai yang dibangunkan

Sebanyak satu (1) stesen pengawasan air sungai automatik telah ditempatkan di Kg. Pasir bagi mengawasi pelepasan ammoniakal nitrogen dari Loji Kumbahan IWK Pantai 2 dengan turut membandingkan data-data daripada stesen manual berdekatan di hulu dan hilir.



Lokasi stesen pengawasan kualiti air sungai automatik JAS WPKL di Kg. Pasir (CR12W)

Pada tahun 2017, terdapat dua puluh satu (21) stesen pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan tiga belas (13) sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Bunos, Sungai Jinjang, Sungai Kerayong, Sungai Batu, Sungai Keroh, Sungai Toba, Sungai Untut, Sungai Belongkong, Sungai Air Busuk, Sungai Anak Air Batu dan Sungai Penchala sepertimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.3**

Jadual 3.3: Stesen Pengawasan Manual Air Sungai di bawah pemantauan JAS WPKL

ID STESEN	SUNGAI	LOKASI
2WKLG001 (1K06)	KLANG	Jambatan di Petaling Bahagia
2WKLG002 (1K07)	KLANG	Jambatan dekat Bangunan Sultan Sulaiman
2WKLG003 (1K08)	KLANG	Jambatan Jalan Dang Wangi
2WKLG004 (1K25)	KLANG	Jambatan Mid Valley dengan Flat Abd. Hukum
2WKLG041 (1K35)	AIR BUSUK	Wisma Felda Ecovest, Kg Puah Sentul
2WKLG018 (1K17)	GOMBAK	Jambatan di Perhentian Tun Razak
2WKLG026 (1K18)	GOMBAK	Kg.Bandar Dalam, Padang Balang
2WKLG056 (1K19)	BATU	Jambatan JPS Kg.Kasipillay
2WKLG015 (1K21)	KEROH	Pusat Servis Datsun
2WKLG014 (1K22)	JINJANG	Sek.Keb. Batu
2WKLG031 (1K38)	JINJANG	CWQM Jinjang
2WKLG006 (1K27)	BUNOS	Persimpangan Jln.Raja Abdullah dgn Jln Raja Bot
2WKL G039 (1K33)	BUNOS	Pulapol Jln. Semarak
2WKLG043 (1K37)	BUNOS	Sek.Men.Teknik Setapak
2WKLG037 (1K31)	TOBA	Segambut Dalam
2WKLG038 (1K32)	UNTUT	Kuarters Polis Sentul

2WKLG040 (1K34)	BELONGKONG	Pasar Besar Gombak
2WKLG051 (1K41)	KERAYONG	SK Seri Setia Taman Desa
2WKLG013 (1K47)	KERAYONG	Jalan Quarry Cheras
2WKLG047 (1K42)	ANAK AIR BATU	Masjid Universiti Malaya
2WKLG010 (1K50)	PENCHALA	Taman Lembah Kiara(TTDI)

Secara keseluruhannya, Indeks Kualiti Air (IKA) bagi tahun 2017 menunjukkan semua stesen pengawasan berada dalam kelas III kecuali bagi stesen di Sungai Kerayong 2WKLG013 (1K47) dan Sungai Bunos 2WKLG006 (1K27) & 2WKLG043 (1K37) dalam kelas IV serta stesen di Sungai Pencala 2WKLG010 (1K50) yang berada dalam kelas II (**Jadual 3.4**).

Jadual 3.4: Status Indeks Kualiti Air Sungai 2017 di Lembah Kelang / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

BIL	LEMBANGAN	SUNGAI	STESEN ID	KELAS	KATEGORI
1	KLANG	KLANG	2WKLG001 (1K06)	III	ST
2	KLANG	KLANG	2WKLG004 (1K25)	III	ST
3	KLANG	KLANG	2WKLG002 (1K07)	III	ST
4	KLANG	KLANG	2WKLG003 (1K08)	III	ST
5	KLANG	ANAK AIR BATU	2WKLG047 (1K42)	III	ST
6	KLANG	KERAYONG	2WKLG051 (1K41)	III	ST
7	KLANG	KERAYONG	2WKLG013 (1K47)	IV	T
8	KLANG	BUNOS	2WKLG006 (1K27)	IV	T
9	KLANG	BUNOS	2WKLG043 (1K37)	IV	T
10	KLANG	BUNOS	2WKL G039 (1K33)	III	ST
11	KLANG	BELONGKONG	2WKLG040 (1K34)	III	ST
12	KLANG	GOMBAK	2WKLG018 (1K17)	III	ST
13	KLANG	GOMBAK	2WKLG026 (1K18)	III	ST
14	KLANG	PENCHALA	2WKLG010 (1K50)	II	B
15	KLANG	TOBA	2WKLG031 (1K38)	III	ST
16	KLANG	BATU	2WKLG056 (1K19)	III	ST
17	KLANG	KEROH	2WKLG015 (1K21)	III	ST
18	KLANG	JINJANG	2WKLG031 (1K38)	III	ST
19	KLANG	JINJANG	2WKLG014 (1K22)	III	ST
20	KLANG	UNTUT	2WKLG038 (1K32)	III	ST
21	KLANG	AIR BUSUK	2WKLG041 (1K35)	III	ST

NOTA:-

B - Bersih

ST - Sederhana Tercemar

T - Tercemar


Pengawasan Kualiti Air Tanah

Pada tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melaksanakan kerja-kerja pemantauan kualiti air tanah bagi kesemua 6 telaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seperti Jadual 3.5.

Jadual 3.5 : Lokasi Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah 2017 Di Lembah Klang/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bil	Lokasi Telaga	No.Rujukan Station	Bilangan Telaga
1	Tapak Pelupusan Sampah (Taman Beringin)	Mw(7)-S13-1-7.26m (A) Mw(7)-S13-1-6.10m (B)	2
2	Bekas Tapak Pelupusan Sampah (Sungai Besi)	Mw(7)-S11-1-5.50m (A) Mw(7)-S11-1-5.54m (B) Mw(7)-S11-1-5.57m (C)	3
3	Royal Golf Selangor Club (Jalan Tun Razak) dalam penyelenggaraan	Mw(7)-S12-1-5.37m (C)	1

Lokasi Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah 2017 Di Lembah Klang/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



**STESEN AIR BAWAH TANAH DI PARLIMEN
SEPUTEH HIGHWAY MEX KUALA LUMPUR
MW(7)S11-1-5.50 A ,MW(7)S11-1-5.57 B DAN
MW(7)S11-1-5.57 C**



**STESEN AIR BAWAH TANAH DI PARLIMEN
TITIWANGSA JALAN TUN RAZAK SELANGOR
ROYAL CLUB GOLF
KUALA LUMPUR
MW(7)S12-1-5.37**



Persampelan dilakukan sebanyak empat (4) kali iaitu bagi setiap suku tahun untuk kesemua 5 daripada 6 lokasi telaga memandangkan satu lokasi iaitu Royal Golf Selangor Club masih dalam tindakan untuk penyelenggaraan.

Parameter-parameter yang dianalisa adalah logam berat, sebatian organik meruap (VOCs), jumlah keliatan (CaCO_3), jumlah pepejal terampai (TDS), sebatian berfenol (*phenolic compound*), racun


makhluk perosak (*pesticide*), koliform dan juga termasuk semua parameter seperti di dalam Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (Revised December 2000) seperti ditunjukkan di Jadual 3.6. Bacaan in-situ iaitu pH, suhu, konduktiviti, kekeruhan dan oksigen terlarut (DO) juga diambil.

Jadual 3.6:
Nilai Yang Boleh Diterima Untuk Kualiti Air Mentah Malaysia (Garis panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan)

Bil.	Parameter	Nilai Boleh Terima
1	Koliform	Tidak boleh dikesan bagi sampel 100ml
2	Sulfat	250 mg/l
3	Klorida	250 mg/l
4	Keliatan (CaCO ₃)	500 mg/l
5	Sebatian Berfenol	0.002 mg/l
6	Nitrat	10 mg/l
7	Jumlah Pepejal Terlarut	1000 mg/l
8	Besi (Fe)	0.3 mg/l
9	Manganam (Mn)	0.1 mg/l
10	Kuprum	1.0 mg/l
11	Kromium (Cr)	0.05 mg/l
12	Plumbum (Pb)	0.01 mg/l
13	Zink (Zn)	3.0 mg/l
14	Kadmium (Cd)	0.003 mg/l
15	Arsenik (As)	0.01 mg/l
16	Raksa (Hg)	0.001 mg/l
17	Selenium (Se)	0.01 mg/l

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

Hasil pemantauan menunjukkan beberapa parameter telah dikesan melebihi had yang boleh diterima untuk kualiti air mentah di bawah Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (Revised December 2000) seperti ditunjukkan di Jadual 3.6. Rajah 3.3 menunjukkan jumlah peratusan lima (5) lokasi persampelan yang melebihi standard bagi empat (4) frekuensi persampelan untuk setiap telaga dan parameter yang melebihi nilai mengikut Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan adalah Nitrat, Manganam, Arsenik, Fenol, Besi dan Total Coliform.




Rajah 3.3 : Kualiti Air Tanah (Peratusan Parameter Yang Melempi Nilai Yang Boleh Terima) Bagi Telaga Air Tanah Di Lembah Klang/
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2017

GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS)

Geographical Information System (GIS)

Aplikasi GIS dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti di **Rajah 3.4** telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan.

Rajah 3.4: Portal GIS Jabatan Alam Sekitar




Aplikasi ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisis dalaman. Aplikasi ini dapat membantu pegawai JAS dalam memproses permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT), Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan premis dan pengawasan alam sekitar.

Bagi tujuan pemantapan penggunaan GIS, Unit Pengawasan dan Geospatial telah menganjurkan Bengkel Pengharmonian Data Geospatial dan E-KAS pada 25 - 26 September 2017 bertempat di Bilik ICT, Aras 3, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya selaras dengan sasaran Ibupejabat JAS yang ingin menerapkan budaya penggunaan aplikasi GIS dalam penggunaan tugas atau kerja yang dijalankan.




Bengkel Pengharmonian Data Geospasial dan E-KAS

Peratusan sepuluh (10) pengguna tertinggi Portal GIS di JAS WPKL boleh dirujuk pada **Rajah 3.5** dan sepuluh (10) pengguna tertinggi yang memuat turun data dari portal sepanjang tahun 2017 boleh dirujuk pada **Rajah 3.6**. Dengan adanya statistik ini status penggunaan portal dapat diketahui dan seterusnya untuk penambahbaikan aplikasi, latihan serta perkakasan untuk membantu membudayakan penggunaan GIS di JAS WPKL.



Rajah 3.5 : Peratusan Pengguna Tertinggi Portal GIS 2017 di JAS WPKL



Rajah 3.6 : Peratusan Pengguna Tertinggi Muat Turun Data Portal GIS 2017 di JAS WPKL


Program River of Life (ROL)

River Of Life (ROL)

River of Life (ROL) didefinisikan sebagai 'Sungai Nadi Kehidupan' merupakan projek Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (KL/KV) di bawah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi Program Transformasi Ekonomi (ETP). Transformasi ini dibahagikan kepada 3 komponen iaitu komponen pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan koridor sungai. Tujuan projek ROL adalah untuk mentransformasikan Sungai Klang menjadi sebuah sungai ikon di bandaraya Kuala Lumpur yang berdaya maju dan pesat membangun, disamping kawasan tepian sungai yang memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada Negara dengan meningkatkan kualiti air Sungai Klang ke tahap Kelas IIB (tujuan rekreasi dengan sentuhan badan).

Di bawah projek ROL, JAS WPKL terlibat bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Inisiatif 11 (PT1 11) iaitu Mempromosi, Menguatkuasa dan Menguruskan Kebersihan Sungai dan Kesihatan Industri yang Menghasilkan Air Sisa/Efluen (*Promote, Enforce and Manage River Cleanliness and Health-Industries that Generate Wastewater/Effluent*). Di bawah PT1 11 ini pemantauan dan peningkatan penguatkuasaan ke atas premis-premis berefluen, loji-loji rawatan sisa kumbahan, projek yang tertakluk dalam *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang melibatkan kerja tanah dan aduan atau isu berkaitan projek ROL telah dan sedang dilaksanakan. Data-data penguatkuasaan industri /aktiviti yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran di kawasan program 'River of Life' telah diselaraskan dan dianalisis sebagai input bagi Mesyuarat Pasukan Petugas (Task Force) Projek 'River of Life' yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) pada setiap bulan. Status kualiti air sungai-sungai di bawah projek ROL pada tahun 2017 ditunjukkan seperti **Rajah 3.7**.

Rajah 3.7 : NILAI INDEKS KUALITI AIR (IKA), 2017




Petunjuk:

Nilai Indeks Kualiti Air (IKA)	Status Kelas
>92.7	I
76.5 – 92.7	II
51.9 – 76.5	III
31.0 – 51.9	IV
<31.0	V

Pengurusan Aset dan Stor Teknikal

Aset dan Stor Teknikal



Pengurusan aset dan stor teknikal adalah elemen penting sebagai persediaan dari segi peralatan dan kemudahan untuk penguatkuasaan pegawai-pegawai JAS WPKL dan perlu diuruskan dengan baik. Bagi tujuan pengurusan aset termasuk aset di stor teknikal, satu sistem pengurusan iaitu Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) disediakan. SPA digunakan untuk menguruskan kawalan status peralatan aset di stor teknikal. Sistem ini dapat memantau aset-aset dan stok di Jabatan Alam Sekitar daripada kerosakan, kehilangan dan pergerakan harta modal. Sistem ini lebih sistematik bagi penyediaan pelaporan tahunan.

<p>Tahun 2017</p> <p>Bilangan Harta Modal = 85</p> <p>Bilangan Aset Bernilai Rendah = 20</p>
<p>Jumlah Keseluruhan = RM 1,152 660.98</p>

Rajah 3.8 : Data Sistem Pemantauan Pengurusan Aset

Jadual 3.7 di bawah menunjukkan nilai aset harta modal dan inventori JAS WPKL bagi peralatan Teknikal JASWPKL pada tahun 2017 yang telah direkodkan dalam sistem SPA.

Jadual 3.7: Nilai Keseluruhan Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah Stor Teknikal 2017

<p>Tahun 2017</p> <p>Bilangan Harta Modal = 85</p> <p>Bilangan Aset Bernilai Rendah = 20</p> <p>Jumlah Keseluruhan = RM 1,152 660.98</p>

Di samping itu, bagi memastikan aset iaitu yang melibatkan harta modal seperti peralatan teknikal dapat digunakan dengan baik ianya perlu diselenggara secara berkala mengikut jadual yang ditetapkan. Peralatan teknikal yang diselenggara untuk tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8 : Peralatan-Peralatan Yang Diselenggara dan Dikalibrasi

BIL	NAMA ASET	NO SIRI	BAJET KALIBRASI
1	Sound Level Meter Onno Sokki	NRE/JAS(KL)/H/09/19	Ibupejabat
2	Sound Level Meter Onno Sokki	NRE/JAS(KL)/H/13/12	Ibupejabat
3	Tecnomotor Smoke Meter	NRE/JAS(KL)/H/12/27	RM 339.20
4	Multigas Monitor (Drager)	NRE/JAS(KL)/H/13/5	Waranty Pembekal
5	Multigas Monitor (Drager)	NRE/JAS(KL)/H/08/38	Waranty Pembekal
6	YSI Prodss System	NRE/JAS(KL)/H/16/12	Waranty Pembekal

Sepanjang tahun 2017, beberapa kursus turut dihadiri oleh pegawai-pegawai JAS WPKL mengenai peralatan teknikal dan penggunaan sistem pemantauan pengurusan aset. (**Jadual 3.9**). Tujuan kursus diadakan adalah sebagai pendedahan kepada pegawai-pegawai JAS yang perlu menggunakan peralatan tersebut untuk tugas penguatkuasaan. Peralatan teknikal sentiasa dikemaskini keperluan dan diterima aset peralatan baru untuk tujuan penguatkuasaan. **Jadual 3.10** menyenaraikan beberapa peralatan teknikal yang telah diterima pada tahun 2017 dan telah dikemaskini di dalam sistem SPA.

Jadual 3.9: Senarai Kursus yang dihadiri berkaitan Peralatan Teknikal dan Sistem pada tahun 2017

Bil	Kursus Peralatan Teknikal	Tarikh	Tempat
1	Kursus hand-on Penggunaan alat YSI	20 Februari 2018	Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat Putrajaya
2	Kursus SOP Day 2 – Aset & Liabiliti	16 November 2017	Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat Putrajaya

Jadual 3.10 : Senarai Aset Teknikal diterima Tahun 2017


Bil	Nama Aset	Tarikh perolehan	No siri Pendaftaran
1	YSI <i>Prodss system</i>	20 Februari 2017	NRE/JAS(KL)/H/16/12
2	Kamera Digital /Powershot SX620 HS	27 Oktober 2017	NRE/JAS(KL)/R/17/4
3	Kamera Digital /Powershot SX620 HS	27 Oktober 2017	NRE/JAS(KL)/R/17/5
4	Kamera Digital /Powershot SX620 HS	27 Oktober 2017	NRE/JAS(KL)/R/17/6

Pencegahan & Kesedaran

Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar

JAS WPKL telah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar untuk menyampaikan maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar dengan tujuan meningkatkan kesedaran pelajar sekolah dan orang awam mengenai kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Aktiviti-aktiviti kesedaran yang telah dilaksanakan ialah ceramah di sekolah/ Institut Pengajian Tinggi/ Industri/ Umum, pameran, seminar/ taklimat/ bengkel/ kolokium, Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), (WED), Sambutan Hari Bumi dan Program Rakan Alam Sekitar (RAS). (**Rajah 3.9**).

Rajah 3.9: Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2017.



Selain dari program-program kesedaran, Jabatan juga telah menerima pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti UiTM Shah Alam, UiTM Terengganu, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Sains Malaysia dan Politeknik Sabak Bernam bagi menjalankan latihan industri. Pada tahun 2017, sebanyak enam belas (16) orang pelajar telah diterima untuk melakukan latihan industri di JAS WPKL dari jurusan berkaitan alam sekitar dan kejuruteraan. Mereka ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan ini dan telah diberi pendedahan mengenai pengurusan alam sekitar yang meliputi penguatkuasaan, pendidikan, pengawasan dan penilaian kualiti alam sekitar.

Hari Alam Sekitar Negara (HASN)

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) atau sebelum ini dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) merupakan acara tahunan JAS bagi memupuk kesedaran alam sekitar dan melahirkan pelbagai lapisan masyarakat yang mencintai alam sekitar sebagai tanggung jawab bersama.

Sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2017 telah diadakan pada 21 Oktober 2017 di Taman Botani, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan. JAS WPKL telah bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menjayakan sambutan HASN Peringkat Wilayah Persekutuan 2017.

Tema HASN pada tahun 2017 ialah "Negaraku; Alam Sekitarku". Tema ini dipilih bertujuan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia.

Ceramah Kesedaran Alam Sekitar

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 15 siri ceramah alam sekitar telah dilaksanakan kepada beberapa kumpulan sasaran di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya seperti di **Jadual 3.11** di bawah.

Bil	Tempat	Tajuk Ceramah	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1	Sime Darby Convention Centre	Kesedaran Alam Sekitar – Pengurusan Buangan Terjadual	20 Februari	Industri
2	Mitrajaya Sdn Bhd	Penjagaan Alam Sekitar di Tapak Projek	24 Februari	Industri
3	SMK Seri Sentosa	Kesedaran Alam Sekitar	1 Mac	Pelajar
4	SAPURA Tower	Kesedaran Alam Sekitar	10 Mac	Industri
5	IPBA Kuala Lumpur	Kesedaran Alam Sekitar	13 April	Industri
6	Dayabumi	Kesedaran Alam Sekitar	19 April	Orang Awam
7	SMK Dato' Ibrahim Yaacob	Kesedaran Alam Sekitar	26 April	Pelajar
8	Putrajaya Convention Centre	Kesedaran Alam Sekitar – Pengurusan Buangan Terjadual	5 Ogos	Pelajar
9	Puncak Niaga	Kesedaran Alam Sekitar	16 Mei	Industri
10	MISC	Kesedaran Alam Sekitar	23 Mei	Industri
11	Puncak Niaga	Kesedaran Alam Sekitar	9 Jun	Industri
12	Tadika Maju Jaya	Kesedaran Alam Sekitar	19 September	Pelajar
13	Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur	Kesedaran Alam Sekitar – Pengurusan Buangan Terjadual	23 Oktober	Pelajar
14	LPPKN	Kesedaran Alam Sekitar	25 -26 November	Awam
15	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kesedaran Alam Sekitar Pengurusan Buangan Terjadual	27-30 November	Awam

Jadual 3.11: Ceramah-Ceramah Kesedaran Alam Sekitar, Tahun 2017

Pameran Alam Sekitar

Sebanyak 16 pameran telah diadakan sempena dengan pelbagai sambutan dan program yang diadakan oleh pelbagai agensi kerajaan, pihak industri dan tapak pembinaan, pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan pameran tersebut seperti di **Jadual 3.12** .

Bil	Tempat	Program	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1	Sime Darby Convention Centre	Minggu HSE	20 Februari	Industri
2	Mitrajaya Sdn Bhd	Minggu HSE	24 Februari	Industri
3	SMK Seri Sentosa	Minggu Kokurikulum	1 Mac	Pelajar
4	SAPURA Tower	Minggu HSE	10 Mac	Industri
5	IPBA Kuala Lumpur	Mini Karnival Sains	13 April	Industri
6	Dayabumi	Minggu HSE	19 April	Orang Awam
7	SMK Dato' Ibrahim Yaacob	Hari Bumi 2017	26 April	Pelajar
8	Putrajaya Convention Centre	Minggu HSE	5 Ogos	Pelajar
9	Puncak Niaga	Hari Bersama Pelanggan	16 Mei	Industri
10	MISC	Minggu HSE	23 Mei	Industri
11	Puncak Niaga	Minggu Pelanggan	9 Jun	Industri
12	Tadika Maju Jaya	Hari Kanak-kanak prasekolah & tadika	19 September	Pelajar
13	Taman Botani Kuala Lumpur	Hari Alam Sekitar Negara 2017	21 Oktober	Awam
14	Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur	Pelancaran Program E-Waste peringkat universiti	23 Oktober	Pelajar
15	LPPKN	Program My Kasih	25 -26 November	Awam
16	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Minggu HSE	27-30 November	Awam

Jadual 3.12 : Pameran Alam Sekitar, Tahun 2017

Program Rakan Alam Sekitar (RAS)

Beberapa program RAS telah diadakan seperti **Jadual 3.13**. Program-program yang diadakan merupakan salah satu usaha JAS untuk menyebarkan maklumat dan mempunyai matlamat yang murni untuk mendapatkan kerjasama serta penglibatan masyarakat demi menjaga dan melindungi alam sekitar khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Matlamat utama RAS ialah menjadikan orang ramai sebagai mata dan telinga Jabatan dalam membanteras masalah alam sekitar berkonsepkan “*community base*” dan “*hands on*”. Di samping itu juga memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya menjaga alam sekitar ini tidak kira agama, bangsa dan keturunan, tua atau muda mahupun lelaki atau perempuan. Sepanjang tahun 2017, seramai 2565 orang telah mendaftar sebagai ahli Rakan Alam Sekitar samada melalui pendaftaran online atau manual.

Pembangunan Sumber Manusia

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 19 program latihan telah dihadiri oleh kakitangan JAS WPKL. Jumlah ini adalah merangkumi kursus, bengkel, seminar dan taklimat. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan JAS WPKL.

Selain program latihan, JAS WPKL juga menganjurkan sejumlah 16 sesi kolokium di dalam dan di luar Jabatan yang berbentuk ceramah, taklimat dan latihan teknikal kepada semua pegawai. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai JAS WPKL yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu.

GALERI AKTIVITI & PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR DI JABATAN ALAM SEKITAR

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR SEPANJANG TAHUN 2017

Program : Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) Di Tasek Banding, Perak





Program Sambutan Hari Bumi





Program : Program *Lawatan MRT*



Program : Bengkel Pematuhan Kualiti Alam Sekeliling 1974, bagi Projek-projek EIA bertempat di The Connexion Bangsar South Kuala Lumpur



Program : Bengkel Pematuhan Pengurusan Buangan Terjadual & Hands On eSWIS Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya Di Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Malaya



**Program : Sambutan Hari Alam Negara 2017 di Panggung Anniversari,
Taman Botani Perdana Kuala Lumpur**






Program Penguatkuasaan Di Tapak Pembinaan Tidak Tertakluk EIA

Pengurusan Buangan Terjadual Dalam Industri Pembinaan

JAS WPKL sedang giat memastikan Pengurusan Buangan Terjadual di tapak pembinaan tidak tertakluk EIA diuruskan sepertimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sepanjang tahun 2017, JAS WPKL telah menerima sebanyak 40 permohonan daripada pengeluar buangan terjadual di tapak pembinaan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk khidmat nasihat ke arah *Self Regulation* dalam menggunakan pengisian maklumat pergerakan buangan terjadual secara terus di talian (*online*) iaitu *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS). Melalui sistem aplikasi ini, pelaporan pengendalian dan pengurusan buangan terjadual di tapak pembinaan menjadi lebih mudah berbanding dengan menggunakan kaedah manual sebelum ini.

Sepanjang tahun 2017 juga, sebanyak 28 permohonan penstoran buangan terjadual melebihi 20 metrik tan atau 180 hari bagi projek pembinaan bukan EIA telah diterima. Permohonan disemak secara *case by case* sebelum kelulusan bersyarat dikeluarkan.



Electronic Scheduled Waste Information System (eSWIS)

Teknologi Maklumat

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

SISTEM ATAS TALIAN (ONLINE SERVICES)

Perkembanganpun terus berlanjutan. Pada detik ini juga, dunia telah masuk era baru. Di era globalisasi, teknologi informasi berperanan sangat penting. Dengan menguasai teknologi dan informasi, kita memiliki modal yang cukup untuk menjadi pemenang dalam persaingan global. Di era globalisasi, tidak menguasai teknologi informasi merupakan satu perkara yang sangat merugikan.

Terdapat 5 kategori yang telah disediakan pihak Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat dalam laman web JAS untuk kemudahan dan kegunaan orang awam dan warga JAS sendiri iaitu

Perkhidmatan Atas Talian Untuk Para Industri
Perkhidmatan Atas Talian Untuk Para Pemaju
Perkhidmatan Atas Talian Untuk Para Perunding
Perkhidmatan Atas Talian Umum
Perkhidmatan Atas Talian Untuk Warga JAS

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 3495 punca telah dikemaskini ke dalam sistem e-KAS. Manakala e-swis pula sebanyak 1070 premis telah didaftarkan sebagai pengguna sistem. Ini termasuk pengguna premis, bengkel dan sisa klinikal.

KELENGKAPAN ICT

Pada tahun 2017, Unit Teknologi Maklumat telah menerima komputer desktop sebanyak 15 unit dan 3 unit *WOOSIM thermal printer* untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JASKL.



Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 1-2 , Wisma SCA , NO.3 , Jalan Sungai Besi
Kuala Lumpur, Malaysia 57100
Tel : 03-9221 5543